

Barisan pasti menang di T'ganu — Dr. M

KUALA TRENGGANU, Isnin — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional pasti akan menang dan dapat memerintah Trengganu semula dalam pilihanraya 8 Julai ini.

Itulah kata singkat yang beliau berikan sewaktu diminta pandangan beberapa minit sebelum meninggalkan Lapangan Terbang Telaga Batin di sini petang kelmarin.

Sebelum itu beliau telah marasmikan sebuah Maktab Sains Rendah MARA dan Bangunan Federal 13 tingkat di Jalan Paya Bunga di sini.

Dalam lawatan itu, beliau berkesempatan melawat bilik gerakan pilihanraya Barisan Nasional Parlimen di mana calonnya ialah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Encik Manan Othman.

Timbalan Perdana Menteri puas hati atas aktiviti serta kerja-kerja yang dilakukan oleh pekerja-pekerja Barisan Nasional di kawasan tersebut.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bilik Gerakan Negeri yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Megeri, Encik Abdullah Ismail memberitahu, Barisan Nasional akan melipatgandakan ceramah-ceramah politik di serata negeri.

Menurut beliau, setiap hari tidak kurang dari 200 ceramah telah disusun dan penceramah-penceramahnya ialah anak-anak tempatan dari luar yang datang memberikan bantuan.

Beliau berkata, bilik gerakannya telah menerima laporan dari semua kawasan Parlimen setiap 15 minit sekali.

Dari markas PSRM, Encik Satar memberitahu, sehingga kini paling kurang tiga kerusi Dewan Undangan Negeri akan dapat ditawan.

Persuruhjaya PAS, Haji Wahab Yunus pula memberitahu, PAS akan memerintah negeri ini dan berupaya membentuk sebuah kerajaan yang kukuh.

Katanya, PAS kali ini selain meletakkan muka-muka lama, juga muka-muka baru terdiri dari intelek-intelek muda.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia